

19/09/1998

Nurul berjaya bidik emas

LANGKAWI, Jumaat - Selepas penantian enam hari, skuad menembak negara akhirnya memenangi pingat emas menerusi Nurul Hudda Baharin dalam acara air rifle perseorangan wanita Sukan Komanwel XVI- Kuala Lumpur '98, di Lapang Sasar Antarabangsa Langkawi (Lisram), di sini hari ini.

Jumlah 494.8 mata yang diperolehinya turut mengatasi rekod lama, 488.7 mata milik Fani Theofanus dari Cyprus.

Ini melayakkan Nurul Hudda menerima sebuah Proton Perdana selain wang tunai RM90,000.

Lebih membanggakan, ia adalah pingat emas pertama negara dalam acara menembak sepanjang sejarah 68 tahun Sukan Komanwel.

Pencapaian Nurul Hudda - pemenang satu pingat emas individu dan dua berpasangan dalam Kejohanan Menembak Komanwel Kedua di gelanggang sama tahun lalu jelas menakjubkan.

Kira-kira lima minggu lalu, peluangnya bertanding dalam KL '98 hampir diranapkan dalam satu nahas jalan raya.

Nurul Hudda patah tangan kanannya selepas motosikal yang ditungganginya terbabit dalam kemalangan ketika perjalanan pulang selepas latihan di Kuala Lumpur, 10 Ogos lalu.

Nurul Hudda menewaskan penembak handalan Kanada, Sharon Bowes yang mengumpul 494.8 mata.

Penembak England, Louise Minett, memenangi gangsa dengan 491.7 mata.

Seorang lagi penembak negara, Zainal Mohd Zain, memenangi pingat perak full bore rifle perseorangan terbuka dengan catatan 400 mata.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali turut mengucapkan tahniah serta menyampaikan pingat kepada pemenang.

(END)